

Soalan Lazim - Pembiayaan Peribadi MBSB Bank (Ihsan-i) untuk Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2).

Konsep Asas	
1.	<p>Apakah Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?</p> <p>Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) adalah bertujuan untuk membantu ahli KWSP mendapatkan pembiayaan peribadi daripada MBSB Bank dengan disokong oleh permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun.</p>
2.	<p>Apakah Ihsan-i ?</p> <p>Ihsan-i adalah kemudahan pembiayaan peribadi yang disediakan oleh MBSB Bank ini bertujuan membantu ahli KWSP yang berusia 40 hingga 55 tahun, yang memiliki i-Akaun KWSP dan mempunyai sekurang-kurangnya RM3,000 di dalam Akaun 2 untuk mendapatkan pembiayaan patuh Syariah ini dengan kadar kompetitif</p>
3.	<p>Bilakah tarikh untuk ahli-ahli KWSP memohon Ihsan- i ?</p> <p>Ahli KWSP yang layak boleh mengemukakan permohonan Ihsan- i di antara 7 April 2023, 9 pagi hingga 14 April 2024. Semua permohonan mesti diterima oleh pihak MBSB Bank pada atau sebelum 14 April 2024.</p>
4.	<p>Apakah syarat-syarat permohonan Pengeluaran KWSP Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun bagi membolehkan ahli membuat permohonan Ihsan- i dengan MBSB Bank ?</p> <ul style="list-style-type: none">i. Terbuka kepada ahli KWSP yang belum mencapai umur 55 tahunii. Warganegara Malaysiaiii. Permohonan adalah sekali sahajaiv. Permohonan tidak boleh dibatalkan setelah diluluskanv. Permohonan dibuka dalam tempoh setahun (12 bulan) bermula daripada tarikh pelaksanaanvi. Amaun simpanan minimum RM3,000 dalam Akaun 2 KWSPvii. Amaun maksimum bagi pengeluaran bersyarat tidak melebihi RM50,000viii. Amaun pengeluaran akan dibayar kepada MBSB Bank apabila ahli telah mencapai umur pilihan pengeluaran antara usia 50 sehingga 55 tahun, mengikut pilihan umur pengeluaran ahliix. Memenuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh MBSB Bank yang dimohon. <p><i>Nota:</i> Ahli hendaklah menjalani Penilaian Kesedaran Kewangan dengan MBSB Bank sebelum membuat keputusan untuk memohon Ihsan- i. Selain itu, dalam tempoh pembiayaan tersebut, ahli boleh mendapatkan perundingan lanjut melalui perkhidmatan Pegawai Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) KWSP, AKPK atau perunding kewangan MBSB , jika perlu.</p>

5.	<p>Mengapakah KWSP membenarkan permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun?</p> <p>Permohonan awal ini akan membolehkan ahli mengambil kira simpanan yang ada dalam Akaun 2 untuk mendapatkan pembiayaan peribadi Ihsan- i daripada MBSB Bank di mana bayaran pengeluaran untuk menyelesaikan baki pembiayaan (sekiranya masih ada) hanya akan dibuat kepada pihak MBSB Bank apabila ahli telah mencapai umur 50 tahun hingga 55 tahun, tertakluk kepada pilihan umur pengeluaran ahli.</p>
6.	<p>Mengapakah fasiliti ini hanya dibuka untuk Satu (1) tahun sahaja?</p> <p>Fasiliti ini hanya dibuka untuk Satu (1) tahun dan permohonan adalah sekali sahaja bagi mengelakkan kebergantungan sepenuhnya kepada wang simpanan KWSP untuk membayar dan menyelesaikan hutang.</p>
7.	<p>Bagaimanakah cara untuk memohon Pengeluaran KWSP Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun melalui MBSB Bank ?</p> <p>Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui MBSB Bank . Terdapat 3 langkah utama yang perlu dilakukan oleh ahli:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Langkah 1: Membuat semakan awal kelayakan dalam Akaun 2 KWSP melalui portal i-Akaun KWSP https://secure.kwsp.gov.my/member/member/login ii. Langkah 2: Membuat permohonan Ihsan- i melalui portal MBSB Bank https://www.fsa2mbsbbank.com mengikut terma dan syarat yang ditetapkan ; iii. Langkah 3: Membuat permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun kepada KWSP melalui portal MBSB Bank , berdasarkan amaun pembiayaan peribadi yang telah diluluskan oleh MBSB Bank berkenaan.
8.	<p>Berapakah jumlah pembiayaan Ahli KWSP yang layak di bawah Ihsan- i ?</p> <p>Jumlah yang dibenarkan di bawah kemudahan sokongan adalah antara minimum RM3,000 hingga maksimum RM50,000 tertakluk kepada jumlah simpanan yang terdapat dalam Akaun 2 Ahli KWSP apabila permohonan dikemukakan.</p>
9.	<p>Bagaimanakah pengiraan amaun kelayakan awal berdasarkan simpanan Akaun 2 dibuat?</p> <p>Amaun kelayakan awal permohonan melalui Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun adalah berdasarkan amaun simpanan dalam Akaun 2 yang ditolak dengan sebarang amaun pengeluaran yang belum diluluskan seperti Pengeluaran Pendidikan, Kesihatan dan sebagainya.</p>

	<p>Ilustrasi kelayakan pengeluaran adalah seperti di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Ahli KWSP</th><th>Ahmad</th><th>Rita</th><th>Sara</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Baki simpanan Akaun 2</td><td>RM 70,000</td><td>RM 3,000</td><td>RM 7,500</td></tr> <tr> <td>Amaun permohonan pengeluaran pra-persaraan yang belum diluluskan</td><td>RM 10,000</td><td>None</td><td>RM 5,500</td></tr> <tr> <td>Amaun Kelayakan Awal</td><td>RM 50,000 <i>Had maksimum pembiayaan adalah RM50,000</i></td><td>RM 3,000</td><td>RM 0 <i>Tidak layak kerana tidak menepati syarat minimum amaun RM3,000</i></td></tr> </tbody> </table> <p>Walau bagaimanapun, amaun bagi pengeluaran bersyarat umur 50 tahun atau 55 tahun ini adalah berdasarkan kepada amaun yang diluluskan bagi pembiayaan peribadi serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh MBSB Bank.</p>	Ahli KWSP	Ahmad	Rita	Sara	Baki simpanan Akaun 2	RM 70,000	RM 3,000	RM 7,500	Amaun permohonan pengeluaran pra-persaraan yang belum diluluskan	RM 10,000	None	RM 5,500	Amaun Kelayakan Awal	RM 50,000 <i>Had maksimum pembiayaan adalah RM50,000</i>	RM 3,000	RM 0 <i>Tidak layak kerana tidak menepati syarat minimum amaun RM3,000</i>
Ahli KWSP	Ahmad	Rita	Sara														
Baki simpanan Akaun 2	RM 70,000	RM 3,000	RM 7,500														
Amaun permohonan pengeluaran pra-persaraan yang belum diluluskan	RM 10,000	None	RM 5,500														
Amaun Kelayakan Awal	RM 50,000 <i>Had maksimum pembiayaan adalah RM50,000</i>	RM 3,000	RM 0 <i>Tidak layak kerana tidak menepati syarat minimum amaun RM3,000</i>														
10.	<p>Apakah kesan kepada ahli KWSP yang membuat permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun?</p> <p>Setelah permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun diluluskan oleh KWSP, maka:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Amaun tersebut berserta dividen terkumpul akan dibayar kepada MBSB Bank apabila ahli telah mencapai umur pilihan pengeluaran di antara umur 50 tahun hingga 55 tahun (seperti yang dipilih oleh ahli); dan ii. Ahli boleh membuat pengeluaran pra-persaraan lain tertakluk kepada baki simpanan Akaun 2 selepas ditolak amaun Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun. 																
11.	<p>Mengapakah fasiliti ini hanya terhad kepada ahli KWSP berumur 40 tahun ke atas sahaja?</p> <p>Fasiliti ini akan dilaksanakan dalam Dua fasa, di mana Fasa Pertama dibuka kepada ahli yang berumur 40 tahun ke atas. Ini kerana tempoh maksimum pembiayaan peribadi di bawah fasiliti ini adalah 10 tahun, dan bagi melayakkan Pengeluaran Umur 50 Tahun atau 55 Tahun dibuat, hanya ahli berumur 40 tahun ke atas sahaja yang boleh menyertai fasiliti ini buat masa ini.</p> <p><i>Contoh:</i> Jika ahli memohon fasiliti ini pada umur 40 tahun, maka pembiayaan peribadi ini akan matang apabila ahli berumur 50 tahun, seterusnya ahli boleh membuat Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun.</p> <p>Fasa Kedua pula akan dibuka kepada ahli di bawah umur 40 tahun setelah semua perkara berkaitan terma dan syarat berkaitan pembiayaan peribadi tersebut telah dimuktamadkan oleh semua pihak yang terlibat.</p>																

12.	<p>Apakah saluran untuk mengemukakan permohonan Ihsan- i dengan MBSB Bank ?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Permohonan atas talian ii. Permohonan secara borang / manual tidak tersedia.
13.	<p>Adakah Akaun 1 KWSP layak untuk Pengeluaran Bersyarat Umur 50 atau 55 tahun?</p> <p>Hanya Akaun 2 KWSP dibenarkan untuk Umur Pengeluaran Bersyarat 50 atau 55. Akaun 1 KWSP Tidak Dibenarkan.</p>
14.	<p>Bolehkah Dua (2) permohonan Ihsan-i melalui FSA2 dimohon di Dua (2) MBSB Bank yang dilantik ?</p> <p>Hanya Satu (1) permohonan dibenarkan dalam tempoh berkenaan. Permohonan berbilang dengan MBSB Bank perbankan yang dilantik tidak dibenarkan.</p>
15.	<p>Adakah permohonan awal Pengeluaran Bersyarat 50 Tahun atau 55 Tahun menggunakan Akaun 2 untuk membayar pembiayaan peribadi ahli melanggar Akta KWSP 1991?</p> <p>Pengeluaran Bersyarat 50 Tahun atau 55 Tahun menggunakan Akaun 2 adalah TIDAK melanggar Seksyen 51 Akta KWSP 1991 kerana amaun simpanan tersebut hanya dibayar kepada MBSB Bank apabila ahli telah mencapai umur kelayakan bagi pengeluaran 50 tahun atau 55 tahun berdasarkan pengeluaran sedia ada yang dibenarkan di bawah Akta KWSP 1991.</p> <p>Untuk tempoh selama mana ahli tersebut belum mencapai umur kelayakan bagi pengeluaran 50 tahun atau 55 tahun, simpanan KWSP ahli tidak akan dipindahkan kepada MBSB Bank tersebut. Fasiliti ini bukan merupakan satu cagaran atau serah-hak kepada MBSB Bank.</p> <p>Ahli dibenarkan membuat permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun di mana bayaran pengeluaran hanya akan dibuat kepada MBSB Bank apabila ahli telah mencapai umur pilihan pengeluaran diantara umur 50 tahun hingga umur 55 tahun.</p>
Permohonan	
16.	<p>Bagaimakah cara untuk membuat permohonan Ihsan- i ?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ahli perlu mendaftar I-akaun di https://www.kwsp.gov.my/ms/member/register mengemas kini nombor telefon bimbit bagi tujuan penghantaran Transaction Authorisation Code (TAC) oleh KWSP bagi mengesahkan identiti ketika melakukan transaksi. ii. Permohonan Ihsan-i adalah dibuat secara atas talian melalui laman <i>mikrosite</i> MBSB Bank di https://www.fsa2mbsbbank.com
17.	<p>Apakah dokumen yang diperlukan untuk permohonan Ihsan- i ?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Berpendapatan Tetap: Hanya Kad Pengenalan (IC) pemohon diperlukan ii. Bekerja Sendiri: 6 bulan penyata bank atau 3 bulan penyata pendapatan atau borang BE

18.	<p>Adakah terdapat sebarang pemberitahuan mengenai status permohonan diluluskan atau ditolak?</p> <p>Ya, pemohon akan menerima SMS pemberitahuan mengenai status permohonan</p>
19.	<p>Bolehkah saya menolak kemudahan pembiayaan Ihsan-i selepas Kelulusan?</p> <p>Setelah permohonan diluluskan, peminjam Tidak Dibenarkan menolak kemudahan pembiayaan Ihsan-i.</p>
20.	<p>Bolehkah ahli membuat lebih daripada satu permohonan Ihsan- i dengan MBSB Bank ?</p> <p>Ahli tidak digalakkan untuk membuat lebih daripada satu permohonan. Sekiranya terdapat lebih daripada satu permohonan, KWSP hanya akan meluluskan permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun yang pertama diterima daripada ahli.</p>
21.	<p>Apakah yang menyebabkan permohonan Ihsan- i tidak diluluskan, walaupun ahli telah memenuhi syarat-syarat kelayakan awal?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Permohonan Ihsan-i tidak diluluskan oleh MBSB Bank kerana tidak menepati terma dan syarat yang ditetapkan; atau ii. Baki simpanan dalam Akaun 2 adalah kurang daripada amaun pembiayaan dengan MBSB Bank
22.	<p>Bolehkah saya memohon RM 5,000 pada bulan semasa dan memohon RM 5,000 lagi pada bulan hadapan jika jumlah kelayakan adalah RM 10,000?</p> <p>Hanya Satu (1) permohonan dibenarkan dengan jumlah yang layak. Permohonan berbilang dan jumlah separa tidak dibenarkan.</p>
23.	<p>Bolehkah saya memohon kemudahan Ihsan- i bersama pasangan saya?</p> <p>Kemudahan Ihsan- i adalah hanya untuk Individu. Permohonan bersama tidak dibenarkan.</p>
24.	<p>Bolehkah saya memohon kemudahan Ihsan- i jika saya mempunyai Tindakan Undang-Undang atau mempunyai rekod CCRIS yang tidak konsisten ?</p> <p>Permohonan boleh dibuat oleh ahli, walaubagaimanapun kelulusan adalah tertakluk kepada terma & syarat yang ditetapkan oleh MBSB Bank</p>
25.	<p>Bagaimakah ahli boleh menyemak jumlah simpanan Akaun 2 KWSP sebelum membuat permohonan Ihsan- i dengan MBSB Bank?</p> <p>Ahli boleh menyemak jumlah simpanan Akaun 2 melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. i-Akaun (Ahli) web / Aplikasi mudah alih i-Akaun; atau ii. Self Service Terminal (SST) di mana-mana cawangan KWSP

26.	<p>Adakah permohonan Ihsan- i ini boleh dibatalkan?</p> <p>Ahli tidak boleh membatalkan permohonan Ihsan- i setelah diluluskan oleh KWSP.</p> <p>Permohonan hanya terbatal dalam keadaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ahli meninggal dunia sebelum mencapai umur pilihan pengeluaran yang dinyatakan dalam permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun; atau ii. Ahli telah menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan Ihsan- i dengan MBSB Bank . Ahli atau MBSB Bank perlu memaklumkan KWSP mengenai penyelesaian kemudahan Ihsan-i.
Ciri-Ciri Ihsan-i	
27.	<p>Apakah ciri-ciri produk pembiayaan kemudahan yang ditawarkan?</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kadar pembiayaan yang kompetitif: KAS +1.75% setahun ii. Konsep produk: Tawarruq (Komoditi Murabahah) iii. Tempoh pembiayaan: sehingga 10 tahun iv. Jumlah pembiayaan: RM 3,000 sehingga RM 50,000 v. Perlindungan takaful: Wajib vi. Terma pembiayaan: <ul style="list-style-type: none"> a. 12 bulan pertama: Bayaran Keuntungan sahaja b. Bulan ke 13 dan seterusnya : Prinsipal + Keuntungan (Ansuran Penuh) vii. Tiada Penjamin diperlukan. <p>(Nota: Kadar Asas Standard (KAS) semasa pada 2.75%)</p>
28.	<p>Apakah Kadar Keuntungan Siling?</p> <p>Kadar Keuntungan Siling (KKS) pada 15% setahun. adalah kadar keuntungan maksima bagi pihak Bank menentukan Harga Jualan Bank di bawah konsep Syariah Murabahah untuk tempoh pembiayaan.</p> <p>Ibra' (rebate) akan diberikan berdasarkan perbezaan antara KKS dan Kadar Keuntungan Efektif (KKE) dan selagi KKE lebih rendah daripada KKS.</p>
29.	<p>Bagaimanakah Kadar Keuntungan Siling akan mempengaruhi pembayaran bulanan saya?</p> <p>Bayaran yang anda lakukan sekarang adalah pada Kadar Keuntungan Efektif (KKE) sebanyak 4.5% setahun (KAS + Margin 1.75% setahun). Kadar Asas Standard (KAS) kini berada pada 2.75%. KAS mungkin berubah mengikut masa sepanjang tempoh pembiayaan mengikut Kadar Dasar Semalam (KDS) oleh pihak BNM.</p> <p>Perubahan sedemikian akan memberi kesan kepada jumlah pembayaran yang perlu anda bayar kepada pihak Bank. Walau bagaimanapun, KKE TIDAK akan melebihi KKS sebanyak 15% setahun. Jumlah maksimum bayaran yang akan anda bayar tidak akan melebihi Harga Jualan Bank (dikira berdasarkan KKS).</p>

30.	<p>Adakah terdapat sebarang potongan fi atau bayaran pendahuluan daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan?</p> <p>Amaun sumbangan Takaful Kredit Berkala Berkumpulan (GCTT) akan ditolak terlebih dahulu daripada jumlah pembiayaan yang dikeluarkan. GCTT akan memberi perlindungan sehingga tempoh pembiayaan. Kadar takaful bergantung kepada umur dan tempoh pembiayaan.</p>
31.	<p>Bagaimakah cara untuk membayar ansuran bulanan ?</p> <p>Bayaran boleh dibuat melalui:-</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kaunter MBSB Bank ii. Permohonan arahan tetap (SI) iii. Perbankan dalam talian
32.	<p>Bagaimakah dana pembiayaan kemudahan Ihsan- i akan dikreditkan?</p> <p>Dana akan dipindahkan ke Akaun Simpanan Peribadi MBSB. Akaun Bersama dan Akaun Simpanan lain tidak dibenarkan</p>
33.	<p>Adakah saya perlu Mendaftar untuk Perbankan dalam Talian?</p> <p>Pendaftaran perbankan dalam talian diperlukan untuk tujuan pemindahan dana pembiayaan kemudahan Ihsan- i. Sila layari laman web MBSB Bank di https://www.mbsbjourney.com/rib/ dan daftar dengan akaun Simpanan Peribadi MBSB.</p>
34.	<p>Berapakah yuran Penyelesaian awal?</p> <p>Tiada yuran Penyelesaian awal.</p>
35.	<p>Adakah saya perlu menandatangani Surat Tawaran?</p> <p>Tandatangan Surat Tawaran tidak diperlukan.</p>
36.	<p>Bagaimana jika saya gagal menuaikan kewajipan?</p> <p>Sekiranya pemohon gagal menuaikan kewajipan pihak MBSB Bank berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang diperlukan.</p>
37.	<p>Bagaimakah proses bayaran bagi ahli yang telah meninggal dunia sebelum mencapai umur pilihan bagi pembiayaan kemudahan Ihsan- i ?</p> <p>Pembiayaan kemudahan Ihsan- i akan diselesaikan oleh perlindungan takaful.</p> <p>Bagi ahli yang meninggal dunia sebelum mencapai umur pilihan pengeluaran yang dinyatakan dalam permohonan Ihsan- i, maka permohonan pengeluaran bersyarat adalah terbatal, dan semua simpanan ahli yang meninggal dunia akan diagihkan kepada waris atau penama mengikut polisi Pengeluaran Kematian dan Penamaan sedia ada.</p>

MBSB Bank Berhad WhatsApp	
38.	<p>Adakah Pemesejan WhatsApp selamat?</p> <p>Maklumat yang ditukar melalui WhatsApp dijamin tahap keselamatannya, dan kesemua maklumat sensitif dalam mesej yang dihantar akan sentiasa dipadam.</p>
39.	<p>Bagaimanakah cara untuk saya memastikan bahawa saya menerima mesej tulen dan sah daripada MBSB Bank melalui WhatsApp?</p> <p>Akaun WhatsApp rasmi MBSB Bank akan sentiasa mempunyai ikon semak Hijau di sebelah nama akaun "MBSB Bank" dan apabila anda mengetik pada nama akaun "MBSB Bank", anda akan melihat ikon lencana dalam warna Hijau yang mengatakan "Perniagaan Disahkan" atau "Perniagaan rasmi akaun". Tolong jangan balas sebarang mesej daripada akaun WhatsApp yang tidak disahkan.</p>
40.	<p>Bolehkah saya berkomunikasi dengan Pegawai Khidmat Pelanggan MBSB Bank melalui mesej WhatsApp?</p> <p>Boleh, komunikasi menerusi mesej WhatsApp dengan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah disediakan.</p>